



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



**Tawaran Geran Tahunan 1MDB-JAKIM**

**KEPADA LULUSAN SMAN/SMAR/SABK BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA @ BIDANG PROFESIONAL DI IPTA, IPTS, MESIR & JORDAN**

1. Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar lulusan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), iaitu sekolah-sekolah di bawah Agensi/Jabatan Agama Islam Negeri yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda @ Bidang Profesional, bagi mendapatkan pembiayaan geran tahunan 1MDB-JAKIM tahun 2011.
2. Program dan institusi-institusi yang ditaja adalah:

PROGRAM	BIDANG & TAHUN PENGAJIAN	INSTITUSI
Ijazah Sarjana Muda	Semua bidang pengajian yang diiktiraf JPA dan KPT <b>kecuali bidang pengajian Islam</b>	Semua IPTA yang diiktiraf oleh kerajaan iaitu:  <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Universiti Malaya (UM)</li> <li>2. Universiti Sains Malaysia (USM)</li> <li>3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</li> <li>4. Universiti Putra Malaysia (UPM)</li> <li>5. Universiti Malaysia Pahang (UMP)</li> <li>6. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</li> <li>7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</li> <li>8. Universiti Utara Malaysia (UUM)</li> <li>9. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</li> <li>10. Universiti Malaysia Sabah (UMS)</li> <li>11. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</li> <li>12. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</li> <li>13. Universiti Teknologi MARA (UiTM)</li> </ol>

		14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 15. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 16. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 17. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 18. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) 19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 20. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Darul Quran JAKIM (Program kerjasama Darul Quran-USIM)
Ijazah Sarjana Muda	Semua bidang pengajian yang diiktiraf JPA dan KPT <b>kecuali bidang pengajian Islam</b>	IPTS berikut: 1. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) 2. Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) 3. Universiti Multimedia (MMU) 4. Universiti Teknologi Petronas (UTP) 5. Universiti Industri Selangor (UNISEL) 6. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 7. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) 8. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Ijazah Sarjana Muda	Bidang: Perubatan Pergigian 0 13Pembedahan Farmasi Ekonomi	Universiti-Universiti di Timur Tengah: 1. <b>Mesir:</b> a) Universiti Al Azhar b) Universiti Ain Shams c) Universiti Cairo d) Universiti Mansoura e) Universiti Alexandria f) Universiti Tanta g) Universiti Zaqaziq 2. <b>Jordan:</b> a) Universiti Mu'tah b) Universiti Al Bayt c) Universiti Yarmouk d) Universiti Jordan
PROFESIONAL	ICSA (Institute Of Chartered Secretaries & Administrator), ACCA, CIMA, dan ICAEW (Perakaunan)	IPT yang diiktiraf kerajaan

3. Syarat-Syarat Permohonan

**(a) Syarat-syarat asas**

- i) Warganegara Malaysia dan beragama Islam;
- ii) Mempunyai sijil penuh bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Melayu dan lulus ujian lisan, **DAN** Mumtaz dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)- bagi yang berkenaan
- iii) SPM atau STAM di atas hendaklah diambil di SMAN/SMAR/SABK
- iv) Bagi pengajian di Timur Tengah : Telah mendapat Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN) dalam bidang yang ditawarkan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);
- v) Telah menerima surat tawaran melanjutkan pengajian diperingkat ijazah sarjana muda **ATAU** surat naik semester (bagi pelajar tahun 2 ke atas)
- vi) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang pendapatan ibu bapanya di bawah RM 5000 sebulan.
- vii) Pelajar belum menerima apa-apa bantuan wang/tajaan/pinjaman dari mana-mana pihak
- viii) Aktif dalam kokurikulum

**(b) Syarat khusus (Kelayakan Akademik)**

- i) Bagi pemohon di Tahun 1 pada sesi 2011/2012:
  - Mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM iaitu sekurang-kurangnya 8 A-/8 A2 , **ATAU**;
  - Lulus SPM **DAN** mencapai keputusan Mumtaz dalam STAM.
- ii) Bagi pemohon di Tahun 2 ke atas (IPTA/IPTS) pada sesi 2011/2012:
  - Mendapat sekurang-kurangnya 5B/5 Kepujian dalam SPM **DAN** mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas pada ujian akhir universiti sesi 2010/2011, **ATAU**;
  - Lulus STAM **DAN** mendapat sekurang-kurangnya keputusan CGPA 3.00 ke atas pada ujian akhir universiti sesi 2010/2011
- iii) Bagi pemohon yang belajar di Timur Tengah (Mesir & Jordan):
  - Bagi pemohon **di Tahun 1** pada sesi 2011/2012 perlulah mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM iaitu sekurang-kurangnya 8 A-/8 A2, **ATAU** Lulus SPM **DAN** mencapai keputusan Mumtaz dalam STAM
  - Bagi pemohon **di Tahun 2 ke atas** pada sesi 2011/2012 perlulah mendapat sekurang-kurangnya 5B/5 Kepujian dalam SPM **DAN** mendapat sekurang-kurangnya keputusan Jekyllid Jiddan/Very Good /Setaraf pada ujian akhir universiti sesi 2010/2011, **ATAU**;
  - Lulus STAM **DAN** mendapat sekurang-kurangnya keputusan Jekyllid Jiddan/Very Good/Setaraf pada ujian akhir universiti sesi 2010/2011

**4. Calon-calun Yang Tidak Layak Memohon**

- i) Pelajar dari sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia atau agensi lain seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) atau Sekolah Sains termasuk sekolah swasta dan MRSM
- ii) Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat asas dan khusus yang ditetapkan.
- iii) Pelajar-pelajar yang telah mempunyai Ijazah Pertama, Lulusan Ijazah anjuran sesebuah jabatan/ agensi.
- iv) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat Matrikulasi/ Asasi Sains / Pra Universiti / Alpha / Foundation.
- v) Pelajar/pegawai yang sedang mengikuti program/kursus jarak jauh/separuh masa/double degree.

#### 5. Cara Memohon

Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian (on-line) di laman web : [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

- i) Permohonan yang tak lengkap tidak akan diproses
- ii) Hanya pemohon yang melepasi tapisan akan dipanggil untuk temuduga dan wajib membawa dokumen-dokumen asal seperti berikut:
  - Kad pengenalan
  - Gambar ukuran paspot
  - Sijil SPM @ STAM (bagi yang berkenaan)
  - Transkrip ujian akhir universiti (bagi yang berkenaan)
  - Slip gaji ibu bapa/penjaga
  - Penyata cukai pendapatan/Penyata KWSP
  - Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN)-bagi pelajar Timur Tengah
  - Surat pengiktirafan JPA/KPT bagi bidang yang diambil
  - Lain-lain (yang akan dinyatakan kemudian)
- iii) Pertanyaan mengenai program ini boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-88864337/4979/4334**

#### 6. Tarikh Tutup Permohonan

Tarikh tutup permohonan ialah pada **27 Januari 2012 (Jumaat)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon-calon yang berjaya akan dihubungi